KARYA BESTARI

ADAB PERGAULAN

Antara Lelaki & Wanita



Hamidah Mat

Sarjana Fiqh & Usul, UM

Cetakan Pertama 2007

Editor : Sakinah Ariff Johor
Perekabentuk : Zaiton Mohd Ariffin
Perekabentuk Kulit : Baharin Abd Hamid

Perpustakaan Negara Malaysia   Data-Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Hamidah Mat
Adab pergaulan antara lelaki dan wanita / Hamidah Mat
ISBN 978-967-86-0304-1
1. Muslims–Conduct of life.   2. Muslims–Social networks.
1. Judul.
297.57

Diterbitkan oleh:



Karya Bestari Sdn. Bhd.
Lot 12, Persiaran Kemajuan 16/16,
40200 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5511 8820/21 • Faks: 03-5511 3817

Diedarkan oleh:



Alaf 21 Sdn. Bhd.
Lot 12, Persiaran Kemajuan 16/16,
40200 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5511 8820/21 • Faks: 03-5511 3817
Co No: 276419M • AJL No: 931283
Laman web: www.alaf21.com.my
E-mel: alaf@alaf21.com.my

Dicetak oleh:



Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd.
40, Jalan Penchala, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-7788 3888 • Faks: 03-7781 7998

Pendahuluan

ANTARA tanda-tanda kebijaksanaan ALLAH TAALA ialah penciptaan manusia yang terdiri daripada lelaki dan wanita dengan ciri-ciri keistimewaan mereka yang tersendiri. Sebagai makhluk yang memikul amanah sebagai khalifah di muka bumi, manusia seharusnya menunaikan tanggungjawab untuk memakmurkan alam ini dengan sebaik mungkin. ALLAH telah Mengutuskan para utusan-NYA sebagai pemudah cara kepada umat manusia untuk menuju jalan yang benar agar dapat mencapai keredhaan-NYA.

Di dalam al-Quran, ALLAH S.W.T telah menganjurkan supaya setiap lelaki dan wanita bekerjasama dalam perkara yang boleh mendatangkan kebaikan. Sebaliknya mereka dilarang bekerjasama dalam perkara mungkar atau yang boleh memudaratkan mereka.

Hubungan antara lelaki dan wanita dilihat sebagai saling lengkap-melengkapi. Tanpa lelaki, wanita tidak akan boleh hidup dan begitu juga sebaliknya. Walau

bagaimanapun, perhubungan dua spesis ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Semenjak dari zaman dahulu lagi, hubungan ini mempunyai pro dan kontranya yang tersendiri.

Sebagai sistem kehidupan yang bertunjangkan suruhan dan kehendak TUHAN, Islam mempunyai peraturannya yang tersendiri berhubung dengan pergaulan lelaki dan wanita. Sama ada hubungan tersebut berbentuk kasih sayang, kekeluargaan, kehidupan sosial mahupun segala yang berkaitan dengan perundangan.

Segala-galanya telah disusun agar kehidupan manusia sentiasa aman dan bahagia di dunia dan akhirat. Justeru itu, apabila manusia tidak mengikut bimbingan dan petunjuk daripada ALLAH S.W.T berhubung perkara ini, kehidupan mereka menjadi tidak keruan, kucar-kacir di dunia dan kehancuran di akhirat.

Hubungan lelaki dan wanita juga memerlukan bimbingan TUHAN. Kegagalan manusia menuruti peraturan ini akan mengundang kekalutan di dalam sistem kehidupan mereka.

Lihatlah apa yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini. Seks bebas, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, seks luar tabi'i, pembuangan bayi, pembunuhan dan pelbagai perlakuan yang di luar batasan kemanusiaan berlaku. Kesemuanya hasil keengkaran manusia untuk mematuhi arahan ALLAH S.W.T berkaitan hubungan antara lelaki dan wanita.

Masyarakat hari ini mempunyai pelbagai persepsi mengenai hukum pergaulan. Gaya hidup berteraskan

akidah, material dan norma-norma bukan Islam telah menjadikan mereka lebih liberal dalam perhubungan lelaki dan wanita.

Di satu sudut yang lain pula, terdapat di kalangan mereka golongan terlalu rigid dan mengambil pemahaman literal (harfiyyah) terhadap al-Quran dan sunnah. Golongan ini telah menyikapi hubungan lelaki dan wanita dengan begitu keras, tertutup dan jumud. Kedua-dua metod ini tidak membawa kepada kehendak sebenar Islam.

Buku ini ditulis untuk menampilkan kehendak sebenar Islam berhubung hubungan dua jenis ini. Segala ulasan dan cadangan adalah bersumberkan al-Quran dan sunnah.

Pendapat ulama semenjak zaman salafussoleh sehinggalah zaman kini akan menjadi panduan untuk mentafsirkan teks-teks al-Quran dan sunnah. Hadis-hadis pula akan dipastikan kedudukannya.

Harapan penulis, buku yang serba ringkas dan kecil ini dapat memberikan sedikit panduan kepada umat Islam di Malaysia dalam mematuhi perintah ALLAH berhubung dengan perkara ini.

Harapan penulis juga agar ada pihak yang dapat tampil untuk menegur, membetulkan kesilapan dan kelemahan buku ini demi kebaikan umat. Semoga ALLAH S.W.T akan memberikan hidayah kepada penulis, pembaca dan juga pihak penerbit. Wallahua'lam.

Hamidah Binti Mat,
Kota Damansara, Selangor.
Februari 2007.

Kandungan

Konsep Pergaulan Antara Lelaki dan Wanita

PERGAULAN dalam bahasa Arab disebut sebagai *ikhtilat*. *Ikhtilat* berasal dari kata dasar *khalata*, iaitu bercampur. Percampuran ini boleh berlaku di kalangan manusia, haiwan atau benda. **(Abu al-Fazl Jamaluddin Muhammad bin Makram bin Manzur (1994), *Lisan al-Arab*, cet. 4, jil. 7. Beirut: Dar Sadir. ms. 291).**

Dalam bahasa Melayu, pergaulan membawa erti percampuran sesama manusia sama ada lelaki atau wanita. Pergaulan merupakan perihal apabila manusia bergaul, bercampur atau beraduk sesama mereka. **(Kamus Dewan (1989), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms. 375).**

Sebagai makhluk, bersosial dan bergaul merupakan sifat manusia yang normal. Malah, ia merupakan sesuatu yang penting untuk memenuhi tuntutan hidup bermasyarakat.

Dalam fekah, isu ini diperbahaskan secara khusus. Ia merupakan perbahasan yang melibatkan pergaulan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

Ulama fekah mendefinisikan pergaulan sebagai satu keadaan apabila lelaki dan wanita ajnabi bertemu (melebihi dua orang) di suatu tempat dan berlaku interaksi antara mereka. Interaksi yang berlaku mungkin berupa percakapan, pandangan atau isyarat yang boleh difahami. **(Mahmud Saleh Jabir (1994), *Sadd Zara'i al-Zina*. Amman: Dar al-Nafais, ms. 52).**

Pergaulan berbeza daripada khalwat yang hanya melibatkan seorang lelaki dan seorang wanita. Ini kerana, ia melibatkan bilangan yang lebih daripada dua orang.

Melalui istilah tersebut, pergaulan boleh berlaku di tempat umum seperti perhentian bas, lapangan terbang, pasar, bandar, restoran, sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi, dalam kenderaan awam seperti bas, LRT, teksi dan lain-lain lagi. Pergaulan juga boleh berlaku di tempat-tempat khusus seperti rumah, pejabat dan lain-lain lagi.

Pergaulan boleh berlaku dalam keadaan terancang seperti majlis-majlis kenduri, menziarahi jiran, kelas pengajian dan sebagainya. Ia juga boleh berlaku dalam keadaan tidak terancang seperti yang berlaku di tempat-tempat umum, contohnya perhentian bas, kedai-kedai, pasaraya dan lain-lain lagi. **(Aishah Abdullah Jasim, ms. 56, *Falinakun suraha ya du'at al-Ikhtilat*, Dar al-Tsaqafah, 1985).**

Hukum Asal Pergaulan

DALAM mengemukakan hukum pergaulan, para ulama terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan yang berpendapat bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah harus secara mutlak dan golongan yang berpendapat bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram.

Pendapat golongan pertama disokong oleh Syeikh Ahmad Hasan al-Baquri[1], Ahmad Syauki al-Fanjari[2] dan Abdul Aziz al-Maqalih.[3]

1) Beliau merupakan pengarah salah sebuah pusat pengajian Islam di Kuwait. Beliau mengharuskan pergaulan secara mutlak di dalam artikel beliau *al-Nabi qudwat al-Mukminin* yang diterbitkan dalam Majalah *al-Arabi*, bil:162, Mei 1972, Kuwait, ms.20.
2) Beliau merupakan anggota Majlis Ikatan Sastera Islam. Beliau menghalalkan pergaulan secara mutlak di dalam bukunya *al-Ikhtilat fi al-Din wa fi al-Tarikh wa fi ilm al-Ijtima', al-Haiah al-Misriyyah al-Aammah li al-Kitab*, 1987, ms. 42.
3) Beliau merupakan bekas Pengarah Universiti Sana'a. Beliau telah mengharuskan pergaulan di dalam akhbar al-Siyasaah, bil: 5644 yang bertarikh 24/7/1404 H, sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz, *al-Rasail wa al-Fatawa al-Nisaiyyah*, Dar al-Watan. Riyadh, 1419H, ms. 31.

Pendapat golongan kedua pula disokong oleh majoriti ulama, fekah dan ahli hadis. Mereka berpendapat bahawa hukum asal ini tidak bertentangan dengan keharusan wanita keluar dari rumah untuk menyelesaikan tugas-tugasnya.

Golongan ini juga berpendapat bahawa terdapat pengecualian dalam beberapa keadaan di mana pergaulan antara lelaki dan wanita diharuskan dengan syarat menjaga batas-batas yang telah digariskan oleh syarak. **(Abdul Karim Zaidan, *al-Mufassol fi ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1994, jil. 3, ms. 422).**

Dalil Golongan Pertama

Golongan yang mengatakan lelaki dan wanita diharuskan bergaul secara mutlak berhujah dengan dalil-dalil daripada sunnah dan akal.

1. Dalil Sunnah

a) Sabda Rasulullah s.a.w:

إِذَا اسْتَأْذَنَكُمْ نِسَاؤُكُمْ بِاللَّيْلِ إِلَى الْمَسْجِدِ فَأْذَنُوا لَهُنَّ

Maksudnya:
'Sekiranya wanita-wanita kamu meminta izin untuk keluar ke masjid pada waktu malam, maka berikanlah mereka keizinan." **- Muslim, *Sahih Muslim*, jil. 1, ms. 412, Muassasah Izzuddin, Beirut, 1987.**

Berdasarkan hadis ini, al-Fanjari berpendapat, lelaki dan wanita harus bercampur ketika solat. Beliau juga berpendapat, harus bagi wanita untuk solat di dalam saf lelaki dan sebaliknya, sebagaimana yang berlaku di dalam Masjidilharam terutamanya pada musim-musim haji. **(Al-Fanjari, ms.45).**

Namun, pendapat al-Fanjari ini tidak tepat kerana keharusan wanita keluar melakukan solat jemaah bukanlah secara mutlak. Sebaliknya terikat dengan batas-batas tertentu. Antaranya tidak berlaku percampuran dengan lelaki ajnabi.

Buktinya di dalam solat berjemaah saf lelaki dan wanita diasingkan sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w:

خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا وَشَرُّهَا آخِرُهَا
وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا

Maksudnya:
"Sebaik-baik saf bagi lelaki ialah yang paling hadapan dan seburuk-buruknya ialah yang paling belakang. Sebaik-baik saf bagi wanita ialah yang paling belakang dan seburuk-buruknya pula ialah yang paling hadapan." **- Muslim, jil.1, ms. 411.**

Rasulullah s.a.w juga telah mengkhususkan sebuah pintu bagi kaum wanita di masjid baginda. Pintu itu dikenali sebagai *Bab al-Nisak*. Ini bagi membolehkan kaum wanita keluar masuk dari masjid dan tidak berlaku percampuran dengan kaum lelaki.

Selain itu, ia bagi mengelakkan percampuran semasa pulang dari masjid Nabi sa.w. Para jemaah lelaki akan

menunggu seketika selepas solat jemaah selesai sambil berzikir kerana memberi peluang kepada kaum wanita untuk keluar terlebih dahulu. **(Al-Kasani, Kitab *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syarai'*, jil. 1, ms. 151, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1980).**

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa keharusan wanita keluar solat berjemaah terikat dengan syarat tidak bercampur dengan lelaki.

b) Atsar Umar r.a menyebut:

كَانَ الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ يَتَوَضَّئُونَ فِـــي زَمَـــانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمِيعًا

Maksudnya:
"Pada zaman Rasulullah s.a.w orang-orang lelaki dan wanita berwuduk bersama-sama." **- Hadis riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, jil. 1, ms. 70, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.**

Ibn Majah menambah pada teks hadis melalui riwayat Ammar bin Malik, menyebut mereka menggunakan bekas yang sama. **(Al-Sindi (t.t), *Sunan Ibn Majah bi Syarhi al-Sindi*, jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah, ms. 233).**

Mereka berpendapat bahawa hadis ini menunjukkan lelaki diharuskan bercampur gaul dengan wanita ketika berwuduk. Selain itu, ia juga menunjukkan wanita harus mendedahkan auratnya kepada lelaki ajnabi ketika berwuduk. **(Hamud Abdullah al-Tuwayjiri, *Al-Sarim al-Masyhur alaAhli aal-Tabarruj wa al-Sufur*, ms.125, Dar al-Salam, Beirut, 1979).**

Walau bagaimanapun, menurut al-Sindi, hadis ini tidak menunjukkan maka sebagaimana yang didakwa oleh golongan pertama. Sebaliknya ia menerangkan bahawa harus bagi lelaki menggunakan lebihan air wuduk wanita.

Oleh itu, Imam Abu Daud telah meletakkan hadis ini di dalam bab berwuduk dengan air lebihan wuduk wanita. Manakala al-Nasai pula menamakan bab ini sebagai rukhsah pada air wuduk wanita. Ini bermakna, 'kebersamaan' yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah dari punca air yang sama. **(Al-Sayuti, *Sunan al-Nasaai bi Syarhi al-Suyuti*, jil. 1, ms. 60, Dar al-Ma'rifah. Beirut, 1994).**

Hadis ini tidak menjadi hujah kepada keharusan wanita mendedahkan aurat semasa berwuduk kerana peristiwa ini berlaku sebelum penurunan hukum menutup aurat. Sekiranya kejadian ini berlaku selepas penurunan hukum tersebut, maka ia berlaku di antara lelaki dan wanita mahramnya. Oleh itu, Imam al-Bukhari menamakan bab bagi hadis ini sebagai "wuduk lelaki dengan wanita mahramnya." **(Al-Bukhari, jil. 1, ms. 70).**

Ibn al-Tin pula berpendapat, walaupun lelaki dan wanita mengambil wuduk dari tempat yang sama tetapi ia tidak berlaku pada masa yang sama. Sebaliknya secara bergilir-gilir antara lelaki dan wanita. **(Syamsul Haq Abadi, *A'wnu al-Ma'bud bi Syarhi Sunan Abi Daud*, jil. 1, ms. 102, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995).**

2. Dalil Akal.

Naluri dan kecenderungan kepada jantina yang ber-

lainan jenis merupakan fitrah semula jadi setiap manusia. Menurut pendapat golongan pertama, pergaulan antara lelaki dan wanita dapat memenuhi kehendak ini. Selain itu, percampuran juga dapat mengurangkan konflik kejiwaan akibat naluri ini tidak dipenuhi. (Majalah *al-Usrah*, ms. 42, Muassasaah al-Waqf al-Islami, Holland, bil. 68, 1419H).

Namun, dakwaan golongan pertama ini tidak tepat kerana naluri dan kehendak yang dikurniakan oleh ALLAH ini mempunyai had dan batasannya. Syariat Islam telah menggariskan beberapa peraturan supaya manusia dapat hidup dalam keadaan yang lebih teratur dan harmoni.

Islam tidak menghalalkan percampuran bebas antara lelaki dan wanita. Namun, Islam menjadikan perkahwinan sebagai cara yang halal untuk manusia menyalurkan naluri tersebut melalui cara yang betul.

Menurut Sayyid Qutb, percampuran bebas tidak akan mengurangkan konflik kejiwaan. Malah, menyumbang kepada pelbagai masalah lain seperti zina, menggugurkan anak, keruntuhan akhlak dan moral serta pelbagai jenayah lain. (Sayyid Qutb, Fi Zilal al-Quran, jil. 4, ms. 2511, Dar al-Syuruq, Beirut, 1994).

Dalil Golongan Kedua

Golongan kedua yang mengatakan hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram menjadikan dalil-dalil al-Quran dan sunnah sebagai hujah.

1. Dalil al-Quran.

a) Firman ALLAH S.W.T:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَٰعًا فَسْـَٔلُوهُنَّ مِن وَرَآءِ
حِجَابٍ ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ

Maksudnya:
"Apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta daripada isteri-isteri Nabi, maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka." - Surah al-Ahzab: 53.

Melalui ayat ini, ALLAH S.W.T telah menyuruh sesiapa yang mempunyai urusan dengan para isteri Nabi s.a.w supaya berurusan di sebalik tabir. Tujuannya untuk mengelakkan berlaku fitnah. (Al-Qurtubi, al-Jami' li Ahkam al-Quran, jil. 7, ms. 227, Dar: Ihya al-Turats al-Arab, Beirut, 1996).

Oleh itu, dapat difahami bahawa percampuran bebas antara lelaki dan wanita boleh menyumbang kepada maksiat. Dengan itu, ALLAH menyatakan bahawa perbuatan bergaul melalui sebalik tabir dapat menjaga kesucian hati. (Al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, jil,3, ms. 543, Dar al-Fikr, Beirut, 1994).

b) Firman ALLAH S.W.T:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ

Maksudnya:

"Dan hendaklah kamu tetap diam di dalam rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah zaman dahulu." - **Surah al-Ahzab: 33.**

Di dalam ayat ini, ALLAH menyuruh agar kaum wanita menetap di rumah. Mereka dibenarkan keluar untuk menyelesaikan urusan yang penting seperti bekerja, belajar, ziarah dan sebagainya. **(Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-A'zim*, jil.6, ms. 796, Dar Ihya al-Turats al-Arabi, Beirut, 1995).**

Ini disebabkan fitnah yang mungkin timbul melalui percampuran mereka dengan kaum lelaki. Oleh sebab itu, para fuqaha amat menitikberatkan syarat-syarat pakaian wanita, cara pertuturan dan tingkah laku wanita apabila mereka bergaul dengan lelaki ajnabi.

c) Firman ALLAH S.W.T:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ
وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ
يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya ALLAH Amat Mendalam Pengetahuan-NYA tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka serta janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." - **Surah al-Nur: 30 – 31.**

ALLAH S.W.T memerintahkan agar orang-orang mukmin sama ada lelaki mahupun wanita menundukkan pandangan mereka dan tidak melihat perkara-perkara yang haram dilihat serta menjaga maruah mereka (kemaluan).

Termasuk di dalam penjagaan maruah ialah menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada perzinaan, liwat atau homoseks seperti pergaulan bebas, pandangan yang boleh menimbulkan syahwat dan sebagainya. **(Al-Syanqiti, *Adwa al-Bayan fi idah al-Quran bi al-Quran*, jil. 6, ms. 126, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1996).**

Melalui ayat di atas dapat difahami bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita itu adalah haram demi memelihara manusia daripada mendekati perkara-perkara yang boleh menggugat maruahnya.

d) Firman ALLAH S.W.T:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ
ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَـٰبِيبِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ
أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:
"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman agar melabuhkan pakaian bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar). Cara itu lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai wanita yang baik-baik). Maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (ingat-lah) ALLAH adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." - **Surah al-Ahzab: 59.**

Firman ALLAH S.W.T:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ

Maksudnya:
"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka..."
- **Surah al-Nur: 31.**

ALLAH memerintahkan Rasulullah s.a.w menyuruh para isterinya, anak-anak baginda dan wanita-wanita Islam supaya mengenakan hijab dan menutup aurat. Ini adalah kerana wanita pada zaman jahiliah telah keluar rumah tanpa menutup aurat lalu diganggu oleh lelaki jahat yang menyangka mereka adalah hamba sahaya. Lalu ALLAH menurunkan ayat ini. (**Al-Qurtubi, jil.7, ms. 243**).

Meskipun ulama berkompromi tentang had-had aurat yang perlu ditutup oleh wanita namun mereka bersepakat mengatakan bahawa hukum menutup aurat bagi setiap wanita muslim yang baligh adalah wajib. **(Rujuk: Al-Durdir, *al-Syarh al-Saghir ala Aqrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik*, jil. I, ms. 288, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1986 dan juga Al-Syirazi, *Al-Muhazzab*, jil.1, ms.219, Dar al-Qalam, Damsyik, 1992.**

Muhammad Rawwas di dalam buku Ensiklopedia Fiqh al-Imam Ali telah menyatakan:
"Sesungguhnya hijab itu bermakna meninggalkan ikhtilat, iaitu pergaulan bebas." **(Muhammad Rawwas, Mausu'ah Fiqh Al-Imam Ali bin Abi Talib, ms. 218, Dar al-Nafais, Beirut, 1996).**

Ini bermakna, membataskan pergaulan antara lelaki dan wanita termasuk di dalam tuntutan mengenakan hijab. Hukum mengenakan hijab adalah wajib. Maka membataskan pergaulan antara lelaki dan wanita juga hukumannya adalah wajib.

2. *Dalil Sunnah.*

Tidak ada dalil khusus daripada sunnah menunjukkan hukum asal bagi pergaulan bebas adalah haram. Tetapi berdasarkan dalil beberapa hukum lain yang berkaitan dengan wanita, dapat difahami bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram adalah haram.

Hukum-hukum yang dimaksudkan ialah:

a) *Wanita keluar solat berjemaah di masjid.*

Islam tidak melarang kaum wanita untuk menunaikan solat berjemaah di masjid tetapi Rasulullah sa.w telah menegaskan bahawa solat yang dilakukan oleh kaum wanita di rumah mereka adalah lebih baik daripada solat di masjid.

Ummu Salamah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

خَيْرُ مَسَاجِدِ النِّسَاءِ قَعْرُ بُيُوتِهِنَّ

Maksudnya:

"Sebaik-baik tempat solat bagi wanita ialah rumah mereka." - **Hadis riwayat Imam Ahmad, *Musnad Imam Ahmad*, jil. 6, ms. 297, Dar Sadir, Beirut, 1980.**

Namun begitu, keharusan tersebut bukanlah secara mutlak. Ulama telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh wanita untuk keluar solat di masjid. Antaranya keizinan wali atau suami, tidak memakai

wangian, tidak berhias dan tidak bercampur gaul dengan lelaki semasa solat.

Mungkin ada pihak yang mengemukakan hujah bahawa percampuran semasa solat dibolehkan sebagaimana yang berlaku di Masjidilharam. Namun para fuqaha telah menafikannya dengan memberi alasan keadaan yang berlaku di Masjidilharam adalah disebabkan darurat dan terpaksa. Dalam Islam, sesuatu darurat itu dibolehkan sekadar darurat sahaja.

Syamsul Haq al-Abadi telah menyatakan bahawa sebab utama kebaikan wanita solat di rumah ialah untuk menjauhi mereka daripada fitnah yang mungkin timbul apabila berlaku percampuran dengan lelaki. **(Abadi, opcit, jil. 2, ms. 193).**

Al-A'udah pula menyokong kenyataan itu dengan menyifatkan percampuran bebas antara lelaki dan wanita adalah fitnah dan bahaya paling besar yang perlu dielakkan oleh setiap muslim. **(Salman bin Fahd al-'Audah, *Hiwar Hadi' ma'a Muhammad al-Ghazali*, ms. 107, Dar al-Hijrah, Riyadh, 1410 H).**

b) *Kedudukan wanita semasa solat berjemaah.*

Semasa solat berjemaah, kedudukan saf di antara makmum amat dititikberatkan.

Rasulullah s.a.w telah bersabda:

خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا وَشَرُّهَا آخِرُهَا

وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا

Maksudnya:
"Sebaik-baik saf bagi lelaki ialah yang paling hadapan dan saf yang paling buruk bagi mereka adalah yang paling akhirnya. Sebaik-baik saf bagi wanita ialah yang paling belakang dan yang paling buruk bagi mereka adalah yang akhirnya." - **Hadis riwayat Muslim, jil. 1, ms. 411.**

Saf yang paling hadapan adalah yang paling baik untuk lelaki kerana berjauhan daripada saf perempuan. Begitu juga dengan kebaikan saf yang paling belakang bagi wanita. Menurut al-Nawawi, kejauhan ini dapat mengelakkan daripada pandangan dan pendengaran antara satu sama lain. **(Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, jil. 2, ms. 133).**

Sekiranya semasa solat dan beribadat dianjurkan pemisahan antara lelaki dan wanita, maka pada waktu-waktu lain pemisahan ini adalah lebih utama.

c) *Adab-adab solat berjemaah.*

Antara adab solat berjemaah yang mempunyai makmum lelaki dan makmum wanita ialah imam memberi peluang wanita meninggalkan masjid terlebih dahulu supaya tidak berlaku percampuran antara lelaki dan wanita.

Menurut riwayat Ummu Salamah r.a:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَـــلَّمَ إِذَا
سَلَّمَ قَامَ النِّسَاءُ حِينَ يَقْضِي تَسْلِيمَهُ وَيَمْكُثُ

هُوَ فِي مَقَامِهِ يَسِيرًا قَبْلَ أَنْ يَقُومَ

Maksudnya:
"Apabila Rasulullah s.a.w selesai memberi salam semasa solat berjemaah baginda akan kekal duduk di tempat baginda bersama para jemaah lelaki." - **Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 1, ms. 260.**

Riwayat ini menunjukkan bahawa nabi kekal berada di tempat duduk baginda untuk memberi peluang kepada jemaah wanita beredar dari masjid terlebih dahulu.

Al-Zuhri berkata:

"Saya berpendapat -wallahua'lam- perkara ini dilakukan agar jemaah wanita beredar terlebih dahulu" **(Ibn Hajar, Fath al-Bari, jil. 2, ms. 604, Dar al-Fikr, Beirut, 1994).**

Justeru itu, perbuatan baginda s.a.w adalah untuk mengelakkan berlaku percampuran antara lelaki dan wanita semasa keluar dari masjid.

Sehubungan dengan itu, Ibn Qudamah menjelaskan sekiranya tidak ada jemaah wanita, maka tidak perlu bagi jemaah lelaki untuk tunggu sebentar selepas menunaikan solat. **(Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jil. 2, ms. 254, Hijr li al-Tiba'ah, Kaherah, 1412 H).**

d) *Hukum wanita solat Jumaat.*

Solat Jumaat tidak difardukan ke atas wanita. Ini berdasarkan hadis riwayat Tariq bin Syihab bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُـــسْلِمٍ فِـــي

جَمَاعَةٍ إِلاَّ أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ

Maksudnya:
"Solat Jumaat hak yang wajib ke atas setiap muslim kecuali empat golongan, iaitu hamba, wanita, kanak-kanak dan orang sakit." – **Hadis riwayat Abu Daud, jil. 1, ms. 325.**

Hadis ini menunjukkan bahawa solat Jumaat tidak wajib ke atas wanita. Antara alasan yang telah dikemukakan oleh para ulama seperti al-Imam al-Nawawi dan Ibn al-Munzir mengenai kelonggaran solat Jumaat ke atas wanita ialah supaya wanita tidak bercampur dengan lelaki. **(Al-Nawawi, *Al-Majmu'*, jil. 4, ms. 484, Dar al-Fikr, Beirut, 1980).**

Sementara golongan Mazhab Hanafi memberi alasan bahawa wanita sibuk dengan urusan rumah tangga dan kemungkinan berlakunya fitnah apabila wanita keluar rumah ke tempat ramai lelaki berkumpul. **(Ibn Qayyim, *I'lam al-Muwaqqi'in*, jil. 4, ms. 484, Dar al-Fikr, Beirut,1977).**

Melalui kelonggaran meninggalkan solat Jumaat bagi wanita, dapat difahami bahawa kedudukan hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah dilarang.

e) Hukum-hakam haji wanita.

Tawaf merupakan rukun bagi fardu haji. Percampuran antara lelaki dan wanita semasa menunaikan tawaf tidak dapat dielakkan. Namun ini bukanlah hujah untuk mengatakan lelaki harus bergaul dengan wanita untuk tujuan ibadah.

Rasulullah s.a.w telah banyak menasihati kaum wanita agar sedaya upaya menjauhi lelaki ketika bertawaf.

Baginda telah bersabda kepada Ummu Salamah:

طُوفِيْ مِنْ وَرَاءِ النَّاسِ

Maksudnya:
"Tawaflah di belakang orang ramai." – **Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 1, ms. 501.**

Selain itu, A'ta telah meriwayatkan bahawa Aisyah r.a bertawaf jauh dari kumpulan lelaki dan tidak bercampur dengan mereka. **(Rujuk: *Sahih al-Bukahri*, jil. 1, ms. 500).**

Riwayat ini menunjukkan wanita digalakkan tawaf di kawasan yang berjauhan daripada kelompok lelaki atau menjauhi mereka. Kenyataan ini telah dinaskan oleh al-Mawardi dalam kitab al-Hawi. **(Al-Mawardi, *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, jil. 4, ms. 95, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994).**

Sementara Ibn Hajar pula menyatakan sebab galakan itu supaya wanita tidak bercampur dengan lelaki. **(Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, jil. 4, ms. 285).**

Selain adab bertawaf, terdapat hukum-hakam lain berkaitan dengan haji wanita yang menjurus kepada pengasingan antara lelaki dan wanita. Dengan kata lain, keharusan percampuran di situ adalah sangat minimum. Contohnya hukum mengucup Hajarulaswad. Mengucup Hajarulaswad adalah sunat bagi lelaki sebaliknya wanita tidak disunatkan mengucup Hajarulaswad ketika

tawaf melainkan jika tempat tersebut tidak dipenuhi lelaki. **(Al-Nawawi, *al-Majmu'*, jil. 8, ms. 39).**

Begitu juga dengan adab wuquf bagi wanita. Wanita tidak disunatkan wuquf di tengah-tengah Arafah untuk mengelakkan bercampur dengan lelaki. **(Al-Mawardi, *Al-Hawi al-Kabir*, jil. 4, ms. 94).**

Kesemua hukum berkenaan haji wanita memberi pengertian bahawa wanita mestilah sedaya upaya menjauhi kelompok lelaki walaupun dalam suasana beribadah. Ini membuktikan dalam keadaan biasa yang tidak ada kepentingan pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram.

f) Hukum wanita bermusafir.

Wanita dilarang bermusafir sendirian tanpa mahram atau suami. Malah fuqaha Hanafiyyah, Malikiyyah, Hanabilah dan Imamiyyah mensyaratkan kewujudan mahram untuk mewajibkan haji ke atas wanita. **(Al-Kasani, opcit, jil. 2, ms. 124).**

Manakala fuqaha Syafi'iyyah pula, memadai dengan wujud pengiring yang aman walaupun terdiri daripada sekumpulan wanita yang boleh dipercayai.

Hukum ini berdasarkan hadis riwayat Abu Sa'id al-Khudri bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لاَ تُسَافِرْ الْمَرْأَةُ يَوْمَيْنِ مِنْ الدَّهْرِ إِلاَّ وَمَعَهَا ذُو
مَحْرَمٍ مِنْهَا أَوْ زَوْجُهَا

Maksudnya:
"Tidak (harus) musafir seseorang wanita lebih dari dua hari kecuali bersamanya mahram atau suaminya." **– Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 1, ms. 332.**

Dalam hadis lain riwayat Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

لاَ يَحِلُّ لاِمْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِـــرِ أَنْ
تُسَافِرَ ثَلاَثًا إِلاَّ وَمَعَهَا ذُوْ مَحْرَمٍ مِنْهَا

Maksudnya:
"Tidak halal (harus) bagi seorang wanita yang beriman pada ALLAH dan hari kiamat bermusafir tiga hari kecuali bersamanya mahram." **– Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 1, ms. 332.**

Selain demi menjaga keselamatan, wanita yang bermusafir sendirian juga akan mendedahkan dirinya kepada pergaulan dengan lelaki. Dengan ini, dapat difahami bahawa pergaulan antara lelaki dan wanita pada asalnya adalah haram. Malah, sebahagian ulama kontemporari menyifatkan musafir wanita secara sendirian dianggap sebagai *ikhtilat* (pergaulan bebas). **(Mahmud Saleh Jabir, opcit, ms. 58).**

Dalam konteks musafir wanita masa kini, satu penilaian semula terhadap pandangan ulama klasik perlu dibuat. Ini kerana, keadaan dan suasana masa kini sudah berubah dan maju. Kemudahan pengangkutan dan kawalan keselamatan yang ada pada hari ini bukan sahaja

melindungi wanita, malah semua yang bermusafir.

Dalam kes ini, Syeikh Mustafa al-Zarqa' berpendapat, harus bagi wanita bermusafir walaupun bersendirian sekiranya keamanan wanita sepanjang perjalanan terjamin. **(Mustafa al-Zarqa, Fatawa Mustafa al-Zarqa', ms. 276, Dar al-Qalam, Damsyik, 1999).**

Pandangan beliau ini dianggap lebih relevan dengan suasana dan realiti kehidupan masa kini. Walau bagaimanapun, hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita itu tetap haram kerana keharusan bermusafir ini adalah disebabkan jaminan keselamatan bagi wanita.

g) Hukum khalwat.

Seorang lelaki diharamkan berkhalwat dengan seorang wanita. Ulama telah berijma' bahawa tidak harus bagi seorang lelaki bersendirian dengan wanita tanpa kehadiran mahram wanita itu atau suaminya. **(Al-Nawawi, *Sahih Muslim*, jil. 5, ms. 92).**

Ini berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas r.a yang telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda di dalam khutbah baginda:

لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلاَّ وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya:
"Tidak harus bagi seorang lelaki berkhalwat dengan wanita melainkan bersama (wanita itu) mahramnya."
– Hadis riwayat Muslim, jil. 3, ms. 151.

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat dalam Mazhab Syafie yang mengatakan harus bagi seorang lelaki berada di dalam suatu majlis bersama dengan sekumpulan wanita yang boleh dipercayai. **(Al-Nawawi, *al-Majmu'*, jil. 5, ms. 87).**

Ini bermakna, jika seorang lelaki berada di kalangan sekumpulan wanita ia tidak dinamakan sebagai khalwat.

Berdasarkan kepada fahaman haram berkhalwat di antara lelaki dan wanita, maka hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram.

h) Hukum wanita berjihad.

Syariat Islam telah memperuntukkan bahawa wanita tidak wajib keluar berjihad dan berperang mempertahankan Islam. Sebaliknya kewajipan ini terletak di atas bahu lelaki muslim.

Aisyah r.a telah meminta izin daripada Rasulullah s.a.w untuk keluar berjihad lalu baginda bersabda:

جِهَادُكُنَّ الْحَجّ

Maksudnya
"Jihad kalian (kaum wanita) adalah menunaikan haji." **- Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Jihad al-Nisa*, no hadith 2875, jil.3, ms. 229.**

Jelas di sini bahawa Rasulullah s.a.w tidak mewajibkan Aisyah r.a dan para wanita keluar berjihad kerana keadaan peperangan yang mendedahkan mereka kepada bergaul dengan lelaki. Oleh itu, haji lebih afdal bagi wanita.

Ertinya jika dalam keadaan yang kritikal untuk mempertahankan Islam pun ALLAH tidak mewajibkan

wanita keluar berjihad kerana terpaksa bercampur dengan lelaki, apatah lagi pada keadaan biasa. Ketika itu, pergaulan antara lelaki dan wanita tanpa sebab adalah lebih dilarang. **(Ibn Hajar, opcit., jil. 6, ms. 169.**

i) Wanita dilarang berjalan di tengah jalan.
Dalam berjalan di hadapan orang ramai yang terdapat pejalan kaki di kalangan lelaki dan wanita, wanita dilarang berjalan di bahagian tengah jalan agar tidak bercampur dengan lelaki. Ini berdasarkan kepada hadis riwayat Hamzah bin Usaid al-Ansariyyah bahawa bapanya telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda ketika baginda keluar dari masjid dan pada ketika itu kaum wanita dan lelaki sedang sedang berjalan seiringan.

Sabda Rasulullah s.a.w kepada kaum wanita yang ada pada ketika itu:

اسْتَأْخِرْنَ فَإِنَّهُ لَيْسَ لَكُنَّ أَنْ تَحْقُقْنَ الطَّرِيــقَ
عَلَيْكُنَّ بِحَافَاتِ الطَّرِيقِ

Maksudnya:
"(Wahai muslimah) berundurlah. Sesungguhnya bukan bagi kamu (hak untuk berjalan) di pertengahan jalan. Bagi kamu di bahagian tepi jalan." – **Hadis riwayat Abu Daud, jil. 3, ms. 271.**

Kemudian kaum wanita berjalan di bahagian tepi sehingga pakaian mereka bersentuh dengan dinding-dinding rumah. **(Riwayat Abu Daud, jil. 3, ms. 271).**

Menurut al-Tibi, maksud berundurlah dari jalan ialah kaum wanita mestilah menjauhi kaum lelaki yang memenuhi jalan supaya mereka tidak bercampur gaul. **(Abadi (1995), opcit., jil. 4, ms. 127).**

Hadis ini menunjukkan bahawa golongan wanita pada ketika itu begitu patuh dengan arahan Rasulullah s.a.w. Mereka terus sahaja menghala ke tepi jalan sehingga pakaian mereka bersentuhan dengan dinding rumah di tepi jalan.
Larangan ini merupakan bukti yang cukup jelas bahawa hukum asal bagi percampuran antara lelaki dan wanita adalah haram.

Selain itu Abu Hurairah pernah berkata:
"Bukanlah untuk wanita (berjalan) di pertengahan jalan."

Al-Manawi berpendapat, tujuan Abu Hurairah berkata demikian ialah untuk mengelakkan percampuran antara lelaki dan wanita di tengah jalan. **(Al-Manawi, *Fayd al-Qadeer Syarh al-Jami' al-Saghir*, jil. 5, ms. 379, Dar al-Fikr, 1980).**

3. Kesimpulan dalil mazhab kedua.
Sebagaimana yang telah dinyatakan, tidak terdapat nas yang jelas menunjukkan pergaulan antara lelaki dan wanita itu haram. Pengharaman tersebut didasarkan kepada hukum-hukum lain yang berkaitan dengan ibadah dan muamalat wanita yang mengandungi unsur-unsur pergaulan mereka dengan lelaki ajnabi.
Kesemua hukum yang diperbincangkan menunjukkan bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan

wanita adalah haram. Contohnya hukum berkhalwat dan hukum wanita bermusafir.

Dalam keadaan pergaulan tidak dapat dielakkan, Islam telah menyusun adab-adab agar pergaulan ini berlaku dalam kadar yang paling minimum. Contohnya dalam mengerjakan tawaf wanita digalakkan bertawaf di bahagian yang jauh dari kelompok lelaki.

Jadi, dalam keadaan biasa yang tidak mempunyai sebarang kepentingan, pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram.

Analisis Pendapat Fuqaha

Setelah meneliti pendapat dan dalil kedua-dua belah pihak, dapat disimpulkan bahawa pandangan golongan kedua, iaitu golongan jumhur ulama adalah pendapat yang terima sebagai hujah, iaitu hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram.

Namun begitu, terdapat ruang-ruang pengecualian yang membolehkan pergaulan tersebut pada keadaan tertentu dengan syarat tertentu.

Ini kerana hujah yang dikemukakan oleh golongan pertama didapati tidak selari dengan kehendak syarak. Tambahan pula, penulis mendapati tafsiran mereka terhadap hadis ialah untuk menyokong pendapat mereka semata-mata tanpa merujuk kepada pendapat ulama klasik dan kitab-kitab huraian hadis yang popular.

Contohnya, al-Fanjari mengatakan pergaulan harus kerana wanita boleh keluar solat di masjid bersama lelaki. Namun pendapat beliau tidak tepat kerana keharusan wanita keluar solat berjemaah bukanlah secara mutlak.

Sebaliknya terikat dengan batas-batas tertentu.

Antaranya tidak berlaku percampuran dengan lelaki ajnabi. Buktinya dalam solat berjemaah saf lelaki dan saf wanita diasingkan.

Selain itu, hujah yang dikemukakan oleh golongan pertama, iaitu hadis tentang lelaki dan wanita mengambil wuduk melalui tempat yang sama, menurut Imam Abu Daud, hadis ini menunjukkan harus bagi lelaki menggunakan lebihan air wuduk wanita, iaitu dari tempat yang sama.

Kebersamaan yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut ialah dari punca air yang sama. Jika berlaku kebersamaan dari segi fizikal, maka ia adalah antara seorang lelaki dan wanita mahramnya. **(Al-Sayuti, *Sunan al-Nasai bi Syarh al-Sayuti*, jil. 1, ms. 60, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1994).**

Manakala pendapat golongan kedua dilihat seiring dengan matlamat asal syarak diturunkan (*maqasid syara'*). Menurut al-Syatibi, tujuan ALLAH Mencipta syariat ialah untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka.

Menurut beliau lagi, segala yang disyariatkan tidak terlepas daripada tujuan yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kepentingan asas (*al-Daruriyyat*), keperluan biasa (*al-Hajiyat*) dan keperluan mewah (*al-Tahsiniyyat*).

Al-Daruriyat pula dibahagikan kepada lima, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. **(Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, jil. 2, ms. 326, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1996).**

Dalam konteks menjaga keturunan, ALLAH S.W.T telah mengharamkan khalwat antara wanita dan lelaki

ajnabi. Menurut kaedah fekah, apa sahaja yang membawa kepada wajib, ia menjadi wajib dan apa sahaja yang membawa kepada haram, maka ia menjadi haram.

Oleh itu, pergaulan bebas antara lelaki dan wanita turut menjadi haram kerana ia boleh menyumbang kepada perzinaan yang mana hukumnya adalah haram.

Keadaan yang Mengharuskan Pergaulan

HUKUM sebenar pergaulan antara lelaki dan wanita adalah haram. Walau bagaimanapun, menurut pandangan jumhur ulama, pergaulan ini diharuskan dalam beberapa keadaan. Keadaan yang dimaksudkan adalah:

1. ***Darurat.***

Darurat yang dimaksudkan di sini ialah satu keadaan yang boleh mengancam nyawa dan agama seseorang. Contohnya apabila seseorang wanita berada dalam keadaan bahaya, harus bagi lelaki bergaul dengannya untuk memberi perlindungan kepada wanita tersebut walaupun berlaku khalwat sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Nawawi. (Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarhi al-Nawawi*).

Pergaulan atas alasan darurat hanya dibolehkan sekadar menghilangkan bahaya tersebut. Ini kerana, kaedah fekah menyebut, sesuatu darurat itu diukur sekadarnya sahaja. (Ahmad bin Syeikh Muhammad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, ms. 187,

Dar al-Qalam, Damsyik, 1996; Ibn Nujaym, al-Asybah wa al-Nazair, ms. 95, Dar al-ikr, 1983).

Keadaan yang mengancam agama juga termasuk darurat. Oleh itu pergaulan antara lelaki dan wanita diharuskan dalam jihad berperang melawan musuh Islam demi menjaga agama.

Banyak hadis dan riwayat yang menunjukkan wanita keluar berperang pada zaman Rasulullah s.a.w. Antaranya riwayat al-Rabi' binti al-Mu'awwiz bahawa beliau telah berkata:

كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَسْقِي
وَنُدَاوِي الْجَرْحَى وَنَرُدُّ الْقَتْلَى إِلَى الْمَدِينَةِ

Maksudnya:
"Kami (kaum wanita) telah keluar bersama-sama Nabi s.a.w (berperang). Kami memberi minum dan merawat tentera yang cedera dan membawa pulang tentera yang terbunuh ke Madinah." – **Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 3, ms. 201.**

Anas bin Malik juga meriwayatkan:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْزُو
بِأُمِّ سُلَيْمٍ وَنِسْوَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ مَعَهُ إِذَا غَزَا
فَيَسْقِينَ الْمَاءَ وَيُدَاوِينَ الْجَرْحَى

Maksudnya:
"Rasulullah s.a.w keluar berperang dengan Ummu Sulaim dan kaum wanita Ansar bersama baginda. Apabila baginda berperang, maka mereka (wanita) memberi minum para tentera dan merawat tentera yang cedera." – **Hadis riwayat Muslim, jil. 3, ms. 89.**

Kesemua riwayat di atas menunjukkan bahawa harus berlaku pergaulan di dalam jihad untuk menjaga kepentingan agama.

2. ***Keperluan atau hajat.***

Keperluan ialah suatu perkara yang mesti ada tetapi tidak sampai kepada tahap darurat. Jika keperluan tidak dipenuhi, kehidupan menjadi tidak lengkap.

Bagi keperluan yang tidak bertentangan dengan syarak, pergaulan antara lelaki dan wanita diharuskan. **(Abdul Karim Zaidan, *al-Fusul fi Ahkam al-Marah*, jil. 3, ms. 426).**

Antara keperluan tersebut ialah:

a) *Muamalat maliyyah (urusan harta).*

Wanita dibenarkan bergaul dengan lelaki dalam urusan yang melibatkan harta seperti jual beli atau lain-lain transaksi. Ini adalah kerana urusan sebegini memerlukan interaksi antara dua pihak. Ini termasuklah urusan di bank, pasaraya, kedai dan sebagainya.

b) *Penyaksian (urusan mahkamah).*

Penyaksian wanita diterima syarak dalam kes tertentu. Ini berdasarkan firman ALLAH S.W.T:

وَٱسْتَشْهِدُوا۟ شَهِيدَيْنِ مِن رِّجَالِكُمْ ۖ فَإِن لَّمْ
يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَٱمْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ
ٱلشُّهَدَآءِ

Maksudnya:
"Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki daripada kalangan kamu. Kemudian jika tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang wanita daripada orang-orang yang kamu persetujui." – **Surah al-Baqarah: 282.**

Jadi, jika wanita terpaksa menjadi saksi dan keadaan itu memaksanya bergaul dengan lelaki, maka keadaan ini dibolehkan.

c) Urusan kerja.

Wanita diharuskan keluar dari rumah untuk bekerja dengan izin suami atau penjaganya. Urusan kerja kebiasannya melibatkan pergaulan wanita dengan lelaki. Tambahan pula bilangan tempat kerja yang mengasingkan antara lelaki dan wanita secara total amat terhad.

Pergaulan ini diharuskan berdasarkan kepada perbuatan Umar al-Khattab r.a yang telah melantik al-Syifa' (seorang wanita) untuk menjadi penguatkuasa di pasar. **(Ibn Hazm, *al-Muhalla*, jil. 9, ms. 429).**

Perbuatan ini menunjukkan harus bagi wanita bergaul dengan lelaki dalam urusan kerja. Ini memandangkan kepada

tabiat pekerjaan penguatkuasa yang menuntut wanita bergaul dengan lelaki. **(Dr. Anisah Abdul Ghani, Batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita: Hukum Islam Semasa, ms. 245, APIUM, KL, 1999).**

d) Keperluan lain yang tidak bertentangan dengan syariat.

Ini berdasarkan kepada hadis Aisyah r.a. Beliau menceritakan:

خَرَجَتْ سَوْدَةُ بِنْتُ زَمْعَةَ لَيْلاً فَرَآهَا عُمَرُ
فَعَرَفَهَا فَقَالَ إِنَّكِ وَاللهِ يَا سَوْدَةُ مَا تَخْفَيْنَ
عَلَيْنَا فَرَجَعَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لَهُ وَهُوَ فِي حُجْرَتِي يَتَعَشَّى
وَإِنَّ فِي يَدِهِ لَعَرْقًا فَأَنْزَلَ اللهُ عَلَيْهِ فَرُفِعَ عَنْهُ
وَهُوَ يَقُولُ قَدْ أَذِنَ اللهُ لَكُنَّ أَنْ تَخْرُجْنَ
لِحَوَائِجِكُنَّ

Maksudnya:
"Saudah binti Zam'ah telah keluar selepas diwajibkan hijab, iaitu kain tudung untuk memenuhi keperluannya. Beliau adalah seorang wanita yang tinggi dan gemuk. Orang ramai yang sudah mengenalinya tidak akan terkejut atau hairan melihatnya. Maka, Umar bin al-Khattab melihatnya, lalu menegurnya: Wahai Saudah! Bagaimana engkau tidak membuat kami terpegun. Sesungguhnya aku melihat bagaimana engkau keluar.

Saudah segera pulang. Sementara itu, Rasulullah s.a.w sedang makan malam di rumahku dan baginda masih memegang tulang. Maka, ketika itulah Saudah masuk dan mengadu: Wahai Rasulullah, aku baru saja keluar, lalu Umar menegur aku begini dan begini. Kemudian diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w, iaitu satu ayat dari surah al-Ahzab di mana tulang masih lagi berada di tangan baginda yang belum baginda letakkan. Kemudian baginda bersabda: Sesungguhnya telah diizinkan bagi kamu, iaitu kaum wanita untuk keluar memenuhi hajat dan keperluan kamu." – **Hadis riwayat al-Bukhari, jil. 6, ms. 491.**

Berdasarkan hadis ini, wanita dibolehkan keluar dari rumah selagi tujuan dia keluar itu tidak bertentangan dengan syarak. Oleh itu, pergaulan yang berlaku, contohnya dalam kenderaan awam dibolehkan atas alasan ia adalah keperluan yang mendesak.

Begitu juga keadannya jika seseorang wanita perlu ke tempat-tempat awam seperti stesyen bas, keretapi, pasaraya dan sebagainya. Percampurannya dengan lelaki dibolehkan dengan menjaga batas-batas syarak dalam pergaulan antara lelaki dan wanita.

3. Pergaulan menurut kebiasaan adat dalam majlis-majlis.

Pergaulan antara lelaki dan wanita di dalam majlis-majlis keramaian yang tidak bertentangan dengan syarak seperti kenduri kendara atau majlis-majlis bersempena dengan sesuatu dibolehkan. Begitu juga ziarah keluarga, jiran, sahabat, melayan *tetamu dan sebagainya.* **(*Al-Qardawi*, al-Halal wa al-haram fi al-Islam, ms. 159, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1994).**

Namun, keharusan ini tertakluk kepada batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita yang telah ditentukan oleh syarak. Pergaulan akan kembali menjadi haram sekiranya batas-batas pergaulan tidak dijaga oleh kedua-dua belah pihak.

Batas Pergaulan Lelaki dan Wanita

SEBAGAIMANA yang telah dinyatakan, pengecualian yang membolehkan pergaulan antara lelaki dan wanita tertakluk kepada batas-batas pergaulan yang telah digariskan oleh syarak. (**Syeikh Atiyyah Saqr, *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*, jil. 4, ms. 440, Dar al-Ghad al-Arabi, Kaherah, 1994**).

Pergaulan yang harus kerana keperluan tertentu boleh menjadi haram sekiranya lelaki dan wanita tidak dapat menjaga batas-batas yang telah digariskan.

Antara batas-batas tersebut ialah:

a) Menjaga aurat.

Aurat berasal daripada perkataan Arab, 'Aurah, iaitu kurang. Dalam fekah, aurat diertikan sebagai bahagian tubuh seseorang yang wajib ditutup dari pandangan orang lain. (**Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, jil. 1, ms. 579, Dar al-Fikr, Damsyik, 1989**).

Meskipun ulama berkompromi tentang had-had aurat

yang perlu ditutup oleh wanita namun mereka bersepakat mengatakan bahawa hukum menutup aurat bagi setiap wanita muslim yang baligh adalah wajib. (**Al-Dardir, *al-Syarh al-Saghir ala Aqrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik*, jil. 1, ms. 288, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1986; al-Syirazi, *Al-Muhazzab*, jil. 1, ms. 219, Dar al-Qalam, Damsyik, 1992**).

Untuk memenuhi syarat menutup aurat, pakaian seseorang wanita mestilah memenuhi syarat-syarat di bawah. (**Muhammad Nasiruddin al-Albani, *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah al-Kitab wa al-Sunnah*, ms. 37, al-Maktabah al-Islamiyyah, Amman, 1994**).

b) Menutupi had aurat yang telah ditetapkan.

Jumhur ulama bersepakat bahawa aurat bagi wanita yang baligh ialah seluruh tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan. Oleh itu mereka wajib menutup aurat mereka daripada dilihat oleh lelaki ajnabi. (**Al-Dardir, al-Syarh *al-Saghir ala Aqrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik*, jil. 1, ms. 288; al-Syirazi, *al-Muhazzab*, jil. 1, ms. 219**).

Ini berdasarkan firman ALLAH S.W.T:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

Maksudnya:
"Dan hendaklah mereka (wanita-wanita) menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka."
– Surah Nur: 31.

Firman ALLAH S.W.T:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ

ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ
أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا
رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:
"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita mukminah agar melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai wanita yang baik-baik). Maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (ingatlah) ALLAH adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."
— Surah al-Ahzab: 59.

Dalam ayat di atas, ALLAH telah memerintahkan agar Nabi Muhammad s.a.w menyuruh isteri-isteri baginda mengenakan pakaian yang menutup aurat. Suruhan ini juga ditujukan kepada semua wanita yang beriman.

ii) Pakaian yang longgar.
Tujuan utama wanita diwajibkan menutup aurat ialah bagi mengelakkan lelaki ajnabi melihat tubuh badannya dan mengelakkan berlakunya fitnah.
Oleh itu, pakaian yang ketat walaupun tebal sudah pasti akan menampakkan bentuk tubuh badan. Oleh itu, wanita yang memakai pakaian yang ketat walaupun menutupi seluruh tubuhnya masih belum memenuhi tuntutan menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki

oleh syarak. **(Muhammad Nasiruddin al-Albani, *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah Fi al-Kitab wa al-Sunnah*, ms. 61).**

Syarat ini berdasarkan kepada kata-kata Dahiyyah bin Khalifah al-Kalbi r.a:

"Rasulullah s.a.w dibawakan dengan beberapa helai kain 'qubtiyyah' (sejenis kain yang nipis buatan Mesir), lalu baginda berkata: Bahagikan kain ini kepada dua. Satu daripadanya dibuat baju dan bakinya berikan kepada isterimu. Apabila aku berpaling untuk beredar baginda berkata: Dan suruhlah isterimu meletakkan kain lain di bawahnya (supaya tidak nampak bentuk tubuhnya)." **— Hadis riwayat Abu Daud,**

Menurut Ibn Rusyd, 'qubtiyyah' ialah pakaian yang tebal tetapi melekat pada badan kerana ia ketat dan menampakkan bentuk tubuh pemakainya. Oleh itu Rasulullah s.a.w memerintahkan Dahiyyah agar menyuruh isterinya melapik pakaian itu dengan kain lain agar tidak menampakkan bentuk tubuhnya. **(Muhammad Fuad al-Barazi, *Hijab al-Muslimah*, jil. 1, ms. 265, Adwa ' al-Salaf, Riyadh, 1999).**

iii) Pakaian yang tidak jarang.
Syarak telah menetapkan pakaian wanita mestilah tidak jarang sehingga menampakkan bentuk tubuh atau warna kulitnya. **(Abdul Karim Zaidan, opcit, jil. 3, ms. 332).**

Aisyah r.a telah meriwayatkan bahawa saudaranya, Asmak pernah masuk ke rumah Rasulullah s.a.w dengan pakaian nipis sehingga nampak kulitnya.

Rasulullah s.a.w berpaling dan bersada:

يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتْ الْمَحِيضَ لَمْ
تَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلاَّ هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى
وَجْهِهِ وَكَفَّيْهِ

Maksudnya:
"Wahai Asmak, sesungguhnya seorang wanita apabila sudah baligh, dia tidak patut memperlihatkan tubuhnya itu, melainkan ini dan ini, sambil baginda menunjuk muka dan kedua-dua telapak tangannya." – **Hadis riwayat Abu Daud.**

Teguran Rasulullah s.a.w terhadap Asmak itu jelas menunjukkan bahawa pakaian yang jarang tidak memenuhi syarat menutup aurat bagi wanita yang baligh. **(Al-Barazi, Opcit, jil. 1, ms. 253).**

iv) Bukan pakaian yang menarik perhatian (pakaian syuhrah).

Apa yang dimaksudkan dengan pakaian yang menarik perhatian ini ialah pakaian yang berlainan daripada pakaian orang lain sama ada dari segi warna, fesyen atau potongan sehinggakan menarik perhatian orang lain serta menimbulkan rasa bongkak pada pemakainya.

Ibn Umar r.a telah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w bahawa baginda telah bersabda:

مَنْ لَبِسَ ثَوْبَ شُهْرَةٍ أَلْبَسَهُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
ثَوْبًا مِثْلَهُ ثُمَّ تُلَهَّبُ فِيهِ النَّارُ

Maksudnya:
"Sesiapa yang memakai pakaian bermegah-megah, maka ALLAH akan memakaikannya dengan pakaian yang serupa pada hari kiamat kelak kemudian ia akan dijilat api neraka." – **Hadis riwayat Abu Daud.**

v) Tidak menyerupai pakaian lelaki atau pakaian orang kafir.

Pakaian yang menutup tubuh badan masih belum dikira memenuhi ciri-ciri pakaian Islam sekiranya menyerupai pakaian orang kafir.

Menurut Ibn Abbas r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

لَعَنَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنْ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَلَعَنَ
الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنْ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya:
"Rasulullah s.a.w melaknat kaum lelaki yang menyerupai wanita dan kaum wanita yang menyerupai lelaki." – **Hadis riwayat al-Bukhari.**

Larangan ini adalah kerana perbuatan menyerupai pakaian orang kafir ini boleh menjatuhkan martabat Islam dan penganutnya. **(Al-Barazi, opcit, jil. 1, ms. 329).**

vi). Tidak Tabarruj.

Tabarruj dalam bahasa yang mudah boleh diertikan sebagai bersolek. Ada juga yang mengatakan bahawa *tabarruj* sebagai melepaskan tudung kepala tetapi tidak mengikat atau mengetatkannya, lalu terlihatlah rantai, anting-anting

dan lehernya. Kesimpulannya *tabarruj* ialah memperlihatkan kecantikkan yang sepatutnya wajib ditutup.

Larangan ini berdasarkan kepada firman ALLAH S.W.T:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ
ٱلْأُولَىٰ

Maksudnya:
"Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu, janganlah kamu berhias serta bertingkah laku (tabarruj) seperti orang-orang jahiliah dahulu (pertama)."
– Surah al-Azab: 33.

Ayat tersebut merupakan petunjuk kepada isteri-isteri Nabi s.a.w agar tetap berada di rumah dan tidak bertabarruj sebagaimana orang-orang jahiliyah dahulu.

Konsep tabarruj jika dilihat dalam kerangka yang lebih luas meliputi perbuatan wanita yang mendedahkan aurat, memakai wangian apabila keluar dari rumah, cara berjalan atau tingkah laku yang menarik perhatian lelaki ajnabi dan sebagainya.

Semua perkara ini perlu diberi perhatian semasa pergaulan antara lelaki dan wanita agar dapat menjauhkan mereka daripada fitnah.

Menjaga Pandangan

Firman ALLAH S.W.T:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ
وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ
يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya:
"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya ALLAH Amat Mendalam

Pengetahuan-NYA tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada wanita-wanita beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." – **Surah al-Nur: 30 – 31.**

Di dalam ayat ini ALLAH S.W.T menyuruh orang-orang mukmin sama ada lelaki atau perempuan supaya menundukkan pandangan mereka dan tidak melihat perkara-perkara yang haram dilihat serta menjaga maruah mereka.

Menurut al-Zamakhsyari, tidak semua pandangan diharamkan. Pandangan pertama yang tidak disengajakan atau yang tidak ada tujuan maksiat adalah dimaafkan. **(Al-Zamakhsyari, *al-Kasyaaf*, jil. 3, ms. 223, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995).**

Pandangan juga dibolehkan pada tempat yang bukan aurat dengan syarat tidak disertai dengan syahwat dan aman daripada fitnah. **(Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, jil. 3, ms. 129, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, Beirut).**

Ini bermakna, wanita dan lelaki boleh memandang antara satu sama lain (pada yang bukan aurat) jika keadaan memerlukan dalam pergaulan mereka. **(Al-Qardawi, *al-Halal wa al-Haram*, ms. 147).**

viii) Tidak berlaku khalwat.

Ulama telah berijmak bahawa tidak harus bagi seorang lelaki berdua-duaan dengan wanita tanpa kehadiran mahram wanita tersebut atau suaminya. **(Al-Nawawi, *Sahih Muslim*, jil. 5, ms. 92).**

Menurut Ibn Abbas r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ يَقُولُ لاَ يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلاَّ وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya:
"Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda di dalam khutbahnya: Tidak harus bagi seorang lelaki berkhalwat dengan wanita melainkan bersama (wanita itu) mahramnya." - **Muslim, opcit, jil. 3, ms. 151.**

Hadis ini dengan jelas menunjukkan haram bagi seorang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita tanpa kehadiran mahramnya. Keharusan pergaulan antara lelaki dan wanita dalam beberapa keadaan yang telah dijelaskan tertakluk kepada syarat bahawa tidak berlaku khalwat antara mereka.

Sekiranya seseorang wanita perlu berurusan dengan lelaki ajnabi, unsur khalwat perlu dielakkan, contohnya dengan kehadiran mahramnya atau wanita-wanita lain yang boleh dipercayai. **(Al-Qardawi, *al-Halal wa al-Haram*, ms. 142).**

Adab Pertuturan

JUMHUR ulama berpendapat bahawa suara wanita bukanlah aurat. **(Al-Syarbini, opcit, jil. 3, ms. 129).**

Oleh itu, tiada halangan bagi wanita untuk bersuara di hadapan lelaki ajnabi. Namun keharusan ini bukan secara mutlak, suara wanita menjadi aurat jika ditinggikan. Oleh itu, wanita tidak disyariatkan azan.

Wanita juga dilarang melunakkan suara ketika bercakap dengan lelaki ajnabi kerana ia boleh merangsang syahwat dan menimbulkan fitnah. **(Abdul Karim Zaidan, opcit, jil. 3, ms.278).**

Biodata Penulis

HAMIDAH Binti Mat merupakan anak kelahiran Jitra, Kedah. Mendapat pendidikan di sekolah Menengah Kebangsaan agama Kedah dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fiqh dan Usul di Universiti Alil Bayt, Jordan. Kemudian meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama di Universiti Malaya.

Ibu kepada tiga orang cahaya mata ini mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan dan tulisan beliau pernah disiarkan di dalam beberapa akhbar dan majalah tempatan seperti Utusan Malaysia, Majalah I dan Melinia Muslim.